

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30 APRIL 2015

Tun M jangan mudah lupa

BH-30/4/2015

» *Harungi pelbagai dugaan politik ketika jadi PM*

Mat Lutu dah banyak kali cakap, Mat hormat penuh kat Tun Dr Mahathir. Bukan sedikit jasa Tun M pada negara kita. Daripada orang tak kenal, jadi orang kenal negara kita. Daripada negara pertanian jadi negara industri. Banyak sangat sumbangan Tun M masa beliau jadi PM.

Mat selalu ingat nasihat Tun M pada kita semua – jangan mudah lupa. Melayu jangan mudah lupa. Mat pegang jadi azimat. Jadi tangkal. Kekal dalam hati. Lekat dalam sanubari, dulu, kini dan selamanya.

Kita semua tahu selama 22 tahun jadi PM, macam-macam dugaan Tun M hadapi, yang besar, yang kecil, lepas satu satu. Ada masa senang, banyak masa susah. Kuat semangatnya. Cekal hatinya. Tapi semua tu tak

mungkin dapat dia lakukan seorang diri. Mesti ada yang bantu, yang sokong, yang dukung.

Tun M juga hadapi macam-macam dugaan politik. Termasuklah perpecahan dalam UMNO yang hampir bawa kehancuran. UMNO pernah diharamkan oleh mahkamah. Kena buat UMNO Baru. Ada krisis dalaman dalam UMNO, UMNO ada Team A dan Team B. UMNO juga pernah berpecah, ada yang tinggalkan UMNO buat Parti Semangat 46. Semua tu dugaan hebat.

Tak mungkin Tun M boleh bertahan seorang diri. Tun M tentu sedar hal itu. Mat bukan nak mengungkit cerita lama. Tapi saja nak mengingatkan Tun M tentang kisah lama-lama. Cerita Tun ni pengajaran juga bagi kita semua.

Ketika Tengku Razaleigh Hamzah cabar Tun M untuk jawatan Presiden UMNO pada bulan April 1987, umum tahu pertandingan itu sangat sengit. Tun M berganding dengan Tun Ghafar lawan Ku Li dan Tun Musa.

Pertarungan hebat

Itu pertarungan hebat. Sama-

sama kuat, sama-sama gagah ada pengikut. UMNO terbelah dua masa itu. Tun M hampir kalah. Kalau Mat tak silap menang 43 undi saja. Tapi ada orang yang membantunya pada saat akhir.

Datuk Seri Najib masa itu Ketua Pemuda. Tuk Najib yang gembeling tenaga Pemuda untuk beri sokongan pada Tun M. Jikalau Tuk Najib tak buat gitu, Tun M pasti tumbang. Dia tak jadi PM lagi lepas tu. Ku Li jadi PM, Tun Musa jadi TPM.

Akal kata, akan sampai juga putaran Tuk Najib akan ambil alih kalau ikut laluan itu. Itu jikalau Tuk Najib sokong Ku Li. Tapi Tuk Najib pilih untuk sokong Tun M. Tapi dia jadi PM juga lepas tu. Dah tertulis bahawa dia akan jadi PM ikut laluan manapun.

Pada pandangan Mat, Tun M bukan sahaja terhutang budi pada ayah Tuk Najib yang bawa dia balik masuk UMNO, tapi juga pada anak Tun Razak, Tuk Najib yang menyelamatkan dia pada tahun 1987.

Tuhan tu kaya. Masa Tun M kena singkir oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Razak yang bawa

dia masuk semula dalam UMNO. Dalam lingkungan orang yang rapat dengan Tun Razak, ada juga yang tak mahu Tun M diambil semula. Tapi Tun Razak bertegas benarkan Tun M masuk UMNO semula.

Peranan Tun Razak

Tun M tak nafikan peranan Tun Razak membawa dia masuk semula dalam UMNO. Dia akui perkara itu. Tapi Tun M kena akui juga bahawa anak Tun Razak ada saham dalam menyelamatkan dia pada tahun 1987.

Banyak keadaan di mana Tun M dapat bantuan daripada orang-orang kuat UMNO, termasuklah Ku Li, Tun Musa, Tun Ghafar, Tun Daim, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan banyak lagi.

Mereka mungkin jadi 'musuh' politik beliau selepas itu, tapi jasa mereka tetap ada bagi membantu Tun M. Kata orang putih memastikan survival politik Tun M.

Mat tak pandai nak kisahkan cabaran Tun M dalam menghadapi krisis politik beliau. Banyak sangat. Daripada soal Team A dan Team B, krisis skandal



kewangan MCA, krisis dengan raja-raja Melayu, krisis kewangan 1997 dan banyak lagi. Tun M beruntung kerana dapat bantuan.

Oleh sebab orang UMNO sokong dia. Ada kalanya mereka tak setuju cara Tun M, tapi mereka sayangkan UMNO, mereka jayakan juga, demi UMNO.

Tuk Najib bukanlah orang yang sempurna. Tapi Tuk Najib kerja kuat nak buat sesuatu untuk negara. Zaman Tuk Najib tak sama dengan zaman Tun M. Tuk Najib hormat Tun M. Dia cuma harap Tun M tak usahlah cari masalah dengan dia. Biarlah dia buat kerja.

Jangan sampai jong pecah yu kenyang. Pembangkang yang untung sebab Tun M serang Tuk Najib. Marahkan pijat kenapalah sampai nak bakar kelambu.

Kenang-kenanglah jasa Tuk Najib padanya.